Dalam Perkara Zulshafari Abd Rashed

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (TERENGGANU) — KES NO 41-008-159 TAHUN 1996
ISMAIL YAHYA H
20 APRIL 1998

Undang-Undang Islam *— Perkahwinan — Penentuan sah suatu perkahwinan yang diadakan di luar negeri — Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985 ss 10, 29 & 107(1)*

Undang-Undang Islam *— Penghinaan mahkamah — Memberi keterangan palsu dan menghina mahkamah — Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1986 ss 95(1)(a)(i) & 207*

Permohonan asal adalah permohonan untuk menentukan sah atau tidaknya perkahwinan di antara pemohon dengan pasangannya yang mana mereka telah mendakwa yang mereka telah bernikah dan diakad nikahkan secara sahnya mengikut hukum syarak pada 19 April 1996 di rumah seorang jurunikah yang beralamat di selatan Thailand dengan berwalikan takim. Pemohon mendakwa bahawa majlis akad nikah telah dihadiri oleh lima orang kesemuanya termasuk dua orang saksi kepada ijab qabul akad nikah tersebut. Lafaz ijab telah dilakukan oleh jurunikah manakala lafaz qabul dibuat oleh pemohon sendiri. Kedua-dua saksi pemohon telah dikemukakan di hadapan hakim dan telah disoal.

Diputuskan, menolak permohonan dan mengisytiharkan pernikahan tersebut tidak sah:

(1) Pernikahan tersebut tidak memenuhi kelima-lima rukun nikah yang telah dinyatakan dalam *Bujarimi ala Al-Khatib* iaitu sighah (lafaz ijab dan qabul), pengantin perempuan, pengantin lelaki, wali dan dua orang saksi. Rukun nikah yang keempat dan kelima telah tidak dipenuhi (lihat ms 568H–I).

(2) Jurunikah yang menikahkan pemohon dengan pasangannya telah tidak diistikhlafkan menurut syarak. Pemohon telah tidak membuktikan bahawa jurunikah tersebut telah menerima istikhlaf kadi syarii Wilayah Narathiwat (lihat ms 570B–C).

(3) Di dalam kes ini, tidak dibuktikan bahawa lafaz tahkim telah dibuat untuk melantik seorang muhakkam bagi menjadi wali kepada pasangan pemohon. Oleh itu walaupun sighah berlaku, syarat dalam sighah atau keupayaan orang yang melakukan ijab tidak menyebabkan ijab itu terbatal sejak ianya diucapkan lagi atau void ab initio (lihat ms 572C-D).

(4) Dua orang saksi yang dikemukakan telah didapati menipu dan oleh itu mereka adalah saksi palsu yang tidak diterima oleh hukum syarak. Kedua-dua orang saksi yang didakwa oleh pemohon hadir pada majlis akad nikah tersebut telah memberi keterangan palsu di mahkamah (lihat ms 573H).

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 s 83

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1986 ss 32, 95, 95(1)(a)(i), 206, 207, 209, 210

Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985 ss 2, 8, 10, 22, 29, 107(1)

Kanun Keseksaan (NMB Bab 45) s 191

Ismail Yahya H: Berikut adalah alasan penghakiman kenapa hukuman nantinya akan dijatuhkan kepada mereka yang terlibat dalam kes pada hari ini. Permohonan asal ialah permohonan untuk menentukan sah atau tidaknya perkahwinan antara pemohon iaitu Zulshafari bin Abd Rashed dengan pasangannya Cik Rosnani bte Mohammad Hanafian yang mana mereka telah mendakwa mereka telah bernikah dan diakad nikahkan secara sahnya mengikut hukum syarak pada 19 April 1996 di dalam rumah Haji Abu Bakar Che Lah, Kg Cabang 4, Tempat 3, Mukim Kawat, Ampor Sungai Padi, Changwad Narathiwat, Selatan Thailand dengan berwalikan tidak tahu ... tetapi mahkamah melihat kepada surat akuan nikah dan takliq yang dikeluarkan oleh Haji Abu Bakar Che Lah itu di dalam surat tersebut ditulis walinya ialah wali tahkim.

Di dalam menentukan sah atau tidak sah sesuatu akad nikah perkahwinan sukacita mahkamah memaklumkan kenapa perlu disahkan nikah di Thailand ataupun di mana-mana tempat lain yang melibatkan orang-orang yang bermastautin di Terengganu. Dalam perkara ini undang-undang telah memberi peruntukan iaitu di bawah s 29 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985 yang mana seksyen tersebut memperuntukkan bahawa jika seseorang yang bermastautin di Terengganu telah berkahwin di luar negeri dengan sah menurut hukum syarak bukan suatu penikahan yang didaftarkan di bawah s 22 dan perkahwinan itu belum didaftarkan di luar negeri, maka pendaftaran perkahwinan itu hendaklah dibuat dalam masa dua bulan selepas salah satu atau kedua-dua pihak itu mula-mula sampai di Malaysia dengan cara pihak itu atau kedua-dua pihak itu hadir di hadapan mana-mana pendaftar di Terengganu dan (a) mengemukakan kepada Pendaftar itu surat perakuan nikah atau (b) apa-apa keterangan sama ada lisan atau dokumentar yang boleh memuaskan hati pendaftar bahawa perkahwinan itu telah berlaku dan ianya sah menurut hukum syarak.

Dari segi undang-undang, untuk menentukan sesuatu akad nikah itu adalah sah menurut hukum syarak, ianya hanyalah diberi bidang kuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah iaitu menurut peruntukan s 32 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986.

Dalam menganalisa ataupun meneliti sesuatu akad nikah perkahwinan yang melibatkan salah satu pihak atau kedua-dua pihak bermastautin di Terengganu yang mana perkahwinan itu telah dilangsungkan di luar negeri dan masih lagi belum didaftarkan menurut kehendak Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985 ada dua perkara yang perlu dilihat, pertamanya hendaklah salah satu pihak atau kedua-dua pihak itu bermastautin di Terengganu. Perkara ini adalah sebagaimana yang

diperuntukkan di bawah s 29 En 12/1985. Keduanya akad nikah itu hendaklah sah mengikut hukum syarak. Seksyen 10 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985 juga memperuntukkan bahawa suatu perkahwinan adalah tak sah melainkan jika cukup semua syarat yang perlu menurut hukum syarak untuk menjadikannya sah. Ini bermakna undang-undang memberi pengiktirafan kepada sesuatu akad nikah itu menjadi sah atau tidak sah adalah menurut hukum syarak. Kemudian di dalam s 107(1) Enakmen yang sama iaitu Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam juga memperuntukkan bahawa sesuatu perkahwinan orang Islam yang dilakukan di luar Malaysia — selain daripada perkahwinan yang diakad nikahkan di suatu Kedutaan Suruhanjaya Tinggi, atau Pejabat Konsul Malaysia di bawah s 22 — hendaklah diiktiraf sebagai sah bagi maksud Enakmen ini jika ia adalah sah menurut hukum syarak. Jadi inilah kekuatan yang ada kepada kita iaitu sebenarnya kita hari ini nak mendengar akad nikah antara pemohon dengan pasangan pemohon adakah sah atau tidak dari segi hukum syarak, barulah boleh diberi pengiktirafan dari segi undang-undang. Selepas itu tindakan pendaftaran hendaklah dibuat menurut sebagaimana peruntukan s 29 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985.

Seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985 menafsirkan makna bermastautin. Bermastautin diertikan sebagai tinggal tetap atau pada kelazimannya dalam sesuatu kawasan yang tertentu. Berdasarkan peruntukan undang-undang di atas saya berpuas hati bahawa Zulshafari bin Abd Rashed dan Cik Rosnani bte Mohammad Hanafian adalah bermastautin di Terengganu dan dengan yang demikian Zulshafari adalah layak untuk membuat permohonan ini di Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu.

Mengenai dengan perkahwinan ini dalam surah An-Nisaa, ayat 21 antara lain Allah berfirman:

Yang bermaksud:

> ... dan mereka (isteri-isteri kamu itu) pula telah pun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu.

Perjanjian yang kuat di dalam ayat ini bermaksud akad nikah yang sah. Ini bermakna melalui akad nikah yang sah menjadi tanggungjawab seseorang suami itu memelihara isterinya dengan cara yang baik. Kalaupun isteri itu mahu diceraikan olehnya, maka ceraikanlah dengan cara yang baik.

Menurut hukum syarak untuk menjadikan sesuatu perkahwinan itu sah, hendaklah memenuhi rukun-rukun nikah, di dalam kitab *Bujarimi ala Al-Khatib*, jilid 3, ms 326–327 ada menyebut:

> Fasal pada membicarakan rukun-rukun nikah dan adapun rukun-rukun nikah itu lima perkara iaitu; sighah, pengantin perempuan, pengantin lelaki, wali. Pengantin lelaki dan wali adalah pihak-pihak melaksanakan akad nikah perkahwinan melalui sighah iaitu lafaz ijab dan lafaz qabul. Yang kelimanya ialah dua orang saksi lelaki.

Mahkamah seterusnya akan menganalisa rukun-rukun nikah sebagaimana yang disebutkan oleh hukum syarak. Rukun nikah yang pertama ialah

A sighah. Dalam kes ini telah dibuktikan bahawa adanya lafaz ijab iaitu daripada Haji Abu Bakar Che Lah dan ada lafaz qabul daripada pengantin lelaki iaitu Zulshafari bin Abd Rashed pada 19 April 1997 sebelah pagi di dalam rumah Haji Abu Bakar Che Lah di Kampung Chabang 4, Tempat 3, Mukim Kawat, Ampor Sungai Padi, Wilayah Narathiwat, Thailand. Persoalannya apakah Haji Abu Bakar yang melafazkan ijab itu mempunyai kewalian atau berkuasa menjadi wali bagi Cik Rosnani bte Mohammad Hanafian.

Dalam menentukan siapa yang berhak menjadi wali kepada perempuan, di dalam kitab-kitab feqah seluruhnya menyatakan mereka yang menjadi wali itu adalah mereka yang mempunyai keturunan daripada nasab, ini bermakna ayah, jika tidak ada ayah, ayah kepada ayah, kemudian saudara lelaki seibu sebapa, kemudian saudara lelaki sebapa, kemudian anak lelaki kepada saudara lelaki seibu sebapa, kemudian anak lelaki kepada saudara sebapa dan seterusnya sampailah akhirnya. Kemudian setelah tidak ada asobah dari nasab dan walaa', maka yang memegang kewalian adalah kadi atau naib kadi sebagaimana hadis Rasulullah saw yang bermaksud; 'Sultan adalah menjadi wali bagi wanita yang tidak mempunyai wali' dan yang dimaksudkan dengan sultan di sini ialah mereka yang memegang kekuasaan kewalian baik imam dan kadi mahupun naib-naib mereka.

Di dalam kes ini adakah Haji Abu Bakar Che Lah ini adalah wali nasab kepada Cik Rosnani bte Mohammad Hanafian, jawabnya tidak. Adakah wali walaa' yang memerdekakan dia, tidak juga. Jadi adakah dia yang menjadikan sebagai sultan atau kadi.

Siapakah yang dikatakan sultan atau kadi bagi seseorang wanita untuk menikahkannya dengan memakai wali sultan. Yang dimaksudkan dengan wali sultan di sini ialah sultan tempat tinggalnya perempuan itu. Perkara ini telah diperuntukkan di dalam kitab *Mughni Al-Muhtaj*, juzuk 3, ms 157 yang menyebut:

> Andainya wali yang akrab ghaib, sama ada wali itu daripada nasab ataupun yang memerdehekakan melebihi 2 marhalah dan tidak ada wakilnya hadir di dalam majlis akad nikah itu, atau jarak jauh yang mengharuskan qasar sembahyang, maka perempuan itu hendaklah dikahwinkan oleh Sultan iaitu Sultan negeri perempuan itu atau Naib Sultan tersebut, bukan Sultan negeri lain daripada negeri perempuan itu dan tidak boleh diakad nikah oleh wali yang lebih jauh mengikut pendapat yang asoh.

Di dalam kes ini Cik Rosnani adalah bermastautin di 54D Kg Losong Kuala Hiliran, 21000 Kuala Terengganu, iaitu di alamat rumah orang tuanya dan dengan itu sultan negeri Cik Rosnani ialah Sultan Terengganu.

Selain dari itu adalah didapati wali nasab kepada Cik Rosnani iaitu ayahnya sendiri yang bernama Mohammad Hanafian bin Ismail masih ada dan berkeupayaan menjadi wali, tidak pun disabitkan 'adhal dan tidak ada lain-lain kecacatan yang menghalang dirinya menjadi wali kepada Cik Rosnani.

Dalam negeri sebagaimana negeri Thailand itu sultannya tidak beragama Islam, akad nikah dilangsungkan di dalam Wilayah Narathiwat, sedangkan Wilayah Narathiwat itu adalah sebahagian daripada kekuasaan

Raja Thailand yang tidak beragama Islam. Dalam perkara ini, adakah Raja Thailand itu berkuasa melantik orang Islam dalam negeri Thailand di mana-mana tempat untuk mengahwin mana-mana perempuan di dalam Wilayah orang yang dilantik itu menggunakan wali raja atau wali sultan, atau wali hakim.

Di dalam kes ini, saya difahamkan bahawa di dalam tiap-tiap wilayah atau dalam bahasa Thai disebut 'changwad' di Selatan Thailand, ada seorang kadi al-syarii. Kadi berkenaan boleh mengarahkan seseorang faqih di dalam wilayahnya menjadi wali ke atas perempuan-perempuan yang putus wali di dalam wilayah itu secara istikhlaf dan melafazkannya. Perkara ini disebut di dalam kitab *Ianatu al-Taalibin*, juzuk 3, ms 323. Di sini adakah Haji Abu Bakar Che Lah ini telah menerima istikhlaf dan lafaznya daripada kadi syarii Wilayah Narathiwat. Di dalam kes ini ianya tidak dibuktikan. Sepanjang yang dimaklumkan kepada mahkamah oleh Majlis Islam Narathiwat, Haji Abu Bakar Che Lah tidak diistikhlafkan.

Saya berpendapat seorang faqih yang telah diistikhlaf dan dilafazkan istikhlafnya itu oleh kadi bolehlah mengakadkan nikah seseorang perempuan yang putus walinya di dalam wilayah kekuasaannya dengan beberapa syarat. Antara syarat-syarat tersebut ialah:

(a) perempuan itu hendaklah telah baligh;

(b) perempuan itu hendaklah sekufu dengan bakal suami yang hendak dinikahkan itu;

(c) perempuan itu hendaklah berada di dalam kawasan kekuasaan istikhlaf si faqih tadi semasa akad nikahnya itu dilangsungkan;

(d) perempuan itu hendaklah terlebih dahulu memberi izin kepada si faqih berkenaan sebelum sighah berlaku.

Perkara-perkara tersebut ini telah diperuntukkan di dalam kitab *Ianatu al-Taalibin*, juzuk 3, ms 314 yang menghuraikan matan *Fathul Mu'in* yang bermaksud:

> Qadi atau si faqih yang telah mendapat istikhlaf bolehlah mengahwinkan perempuan-perempuan yang putus walinya dengan lelaki yang sekufu' dengannya, tidak boleh dengan lelaki yang tidak sekufu' dengannya, dan perempuan itu telah baligh. Perkahwinan seperti ini hendaklah dimana sewaktu akad nikah diadakan perempuan tersebut berada di dalam kawasan kekuasaan Qadi itu sekalipun sekadar melalui kawasan itu walaupun semasa perempuan itu memberi keizinan untuk melangsungkan akad nikah itu kepada wali dia masih berada di luar kawasan kekuasaan Qadi. Adapun jikalau sewaktu dijalankan akad nikah perkahwinan, perempuan itu berada di luar kawasan kekuasaan Qadi, maka Qadi itu tidak boleh melakukan akad nikah perempuan itu walaupun dia telah memberi izin untuk dikahwinkan semasa dia berada di dalam kawasan kekuasaan Qadi, sekalipun calon suaminya berada di dalam kawasan kekuasaan Qadi, kerana Qadi itu berkait dengan perempuan bukan dengan calon suami.

Fakta-fakta hukum syarak yang boleh menentukan sah atau tidaknya sesuatu akad nikah perkahwinan itu telah tidak dibuktikan di dalam kes ini. Malah pemohon, pasangan pemohon dan saksi-saksi yang dikemukakan

A oleh pemohon telah mengambil jalan ringkas dengan memberitahu bahawa fakta-fakta tersebut mereka tidak ingat. Saya berpendapat mahkamah yang mulia ini tidak boleh membuat andaian bahawa sesuatu fakta yang tidak diingati oleh pihak-pihak di dalam kes ini sebagai ada atau wujud. Sebaliknya saya berpendapat adalah lebih selamat kepada mahkamah ini berpegang kepada kaedah feqah yang menyebut, barang siapa syak adakah dia telah melakukan sesuatu atau tidak, maka dihukumkan mengikut asalnya iaitu dia tidak melakukan perbuatan itu. (*Al-Ashbah Wa al-Nazair Fial-Furn* oleh al-Sayuti di ms 40).

Selain dari itu perlu diingat bahawa di dalam Islam ada jalan keluar bagi wanita-wanita yang hendak berkahwin sedangkan wali orang tuanya, C wali nasabnya dan wali walaanya tidak ada, sultan atau raja pun tidak ada juga di negeri itu, maka perempuan itu boleh dikahwinkan melalui *muhakkam*. Di dalam kitab *Ianatu Taalibin* juzuk 3, md 318, memetik matan *Fathul Mu'in* yang bermaksud:

> Selain dari itu seseorang seseorang perempuan tidak boleh mengahwinkan D seseorang perempuan lain atau mengahwinkan dirinya sendiri.

Menurut hadis diriwayatkan oleh Al-Daruqutni dan Ibnu Majah, Rasulullah saw bersabda yang bermaksud:

> Wanita itu tidak boleh (sah) menikahkan wanita lain, dan tidak sah juga menikahkan dirinya sendirinya. E

Yang dimaksudkan dengan *muhakkam*, ialah lelaki dan wanita yang hendak berkahwin itu mestilah hadir di hadapan orang yang akan mengakad nikah mereka dengan melafazkan lafaz tahkim. Orang yang dilantik menjadi *muhakkam* itu hendaklah seorang lelaki yang *adil*. Perkahwinan melalui *muhakkam* ini ialah dengan cara pertamanya pengantin wanita melafazkan F tahkim kepada seseorang yang akan dijadikan wali tahkim dengan dia berkata:

> Saya ... bte ... memilih dan melantik tuan menjadi wali tahkim kepada saya, dan saya izinkan dan berwakil kepada tuan menikahkan dan mengahwinkan saya dengan ... bin ... dengan mas kahwinnya RM ... dan kami berdua redha G atas hukum yang tuan jalankan kepada kami.

Kemudian pengantin lelaki pula melafazkan ucapan berikut kepada orang yang sama:

> Saya ... bin ... memilih dan melantik tuan orang yang mentahkimkan saya dengan ... bte ... dan saya izinkan dan berwakil kepada tuan menikahkan H dan mengahwinkan saya dengan ... bte ... dengan mas kahwinnya RM ... dan kami berdua redha di atas hukum yang tuan jalankan kepada kami.

Seterusnya orang lelaki itu melafazkan qabul wali tahkim dengan lafaz:

> Aku terima di atas perlantikan kedua-dua kamu, dan aku menerima keizinan I dan keredhaan kedua-dua kamu.

Setelah itu barulah *muhakkam* itu boleh melakukan akad nikah melalui wali tahkim dengan lafaz ijabnya seperti berikut:

> ... bin ... Aku kahwinkan dan aku nikahkan akan dikau akan ... bte ... dengan wali tahkim yang kamu berdua mentahkimkan aku dengan maskahwinnya RM ... .

Lafaz ijab itu dituruti lafaz qabul daripada pengantin lelaki yang bertahkim itu dengan lafaznya:

> Aku terima nikah ... bte ... yang bertahkim ianya kepada engkau dengan mas kahwinnya RM ... .

Di dalam kes ini kes proses wali tahkim ini tidak dibuktikan telah berlaku. Cuma di dalam Surat Keterangan Nikah dan Taklik, Register 42/2539 yang dikeluarkan oleh Haji Abu Bakar Che Lah sahaja dicatatkan akad nikah menggunakan wali tahkim. Sekali lagi saya berpendapat mahkamah tidak sayugia menerima pembuktian sedemikian. Dengan yang demikian saya tidak dapat mensabitkan berlakunya tahkim antara Zulshafari bin Abd Rashed dan Cik Rosnani bte Mohammad Hanafian dengan Haji Abu Bakar Che Lah. Oleh itu walaupun sighah berlaku tetapi syarat dalam sighah atau keupayaan orang yang melakukan ijab tidak ada menyebabkan ijab itu terbatal sejak ianya diucapkan lagi atau void ab initio.

Walaupun di dalam kes ini qabul berlaku, qabul berkenaan menjadi sia-sia.

Mengenai rukun kedua pula iaitu, pengantin perempuan, saya berpendapat, pasangan pemohon tidak tertegah untuk berkahwin dengan pemohon baik dari segi nasab, susuan mahu pun persemendaan.

Menurut hukum syarak, perempuan-perempuan yang haram dikahwini kerana hubungan nasab terdiri daripada ibu, anak perempuan, saudara perempuan, ibu saudara sebelah bapa, ibu saudara sebelah ibu, anak perempuan daripada saudara lelaki, anak perempuan daripada saudara perempuan. Ini berdasarkan firman Allah swt di dalam Surah An-Nisaa ayat 23 yang bermaksud:

> Diharamkan kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut; ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu, dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan ... .

Manakala perempuan-perempuan yang haram dikahwini kerana hubungan susuan pula, ialah ibu susu dan saudara perempuan susuan sebagaimana yang difirmankan di dalam ayat 23 surah An-Nisaa iaitu sambungan ayat tadi yang bermaksud:

> Diharamkan kamu berkahwin dengan ... ibu-ibu kamu yang telah menyusu kamu dan saudara-saudara susuan kamu ... .

Dan perempuan-perempuan yang haram dikahwini kerana *musoharah* atau hubungan persemendaan ialah ibu mertua, anak tiri, ibu tiri, menantu dan menghimpun dua orang perempuan bersaudara iaitu sebagaimana yang difirmankan Allah swt di dalam surah An-Nisaa, ayat 23 iaitu sambungan daripada ayat tadi yang bermaksud:

> Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan ibu-ibu isteri kamu, anak-anak tiri yang dalam pemeliharaan kamu dan isteri-isteri yang telah kamu campuri, (tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan

A kamu telahpun menceraikannya mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya) dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadikan isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa lalu, sesungguhnya Allah adalah amat pengampun dan lagi amat mengasihani.

B Perkara-perkara yang dimaksudkan di dalam *Al-Quran* ini telah dikanunkan di dalam undang- undang sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah s 8 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985.

Mengenai rukun nikah yang ketiga iaitu, pengantin lelaki, berdasarkan keterangan-keterangan yang dikemukanan di dalam kes ini saya dapati C rukun pemohon juga tidak terlarang dari segi nasab, susuan mahupun persemendaan berkahwin dengan pasangan pemohon.

Mengenai rukun nikah keempat iaitu wali; saya berpendapat di dalam kes ini yang berhak menjadi wali ialah ayah kepada pasangan pemohon yang bernama Mohammad Hanafian bin Ismail. Wali ini masih hidup lagi, D belum meninggal, masih segar, masih bekerja di Pejabat Haiwan Kuala Terengganu dan tidak ghaib. Encik Mohammad Hanafian juga tidak disabitkan 'adhal. Masalah yang timbul di dalam kes ini ialah Cik Rosnani telah lari daripada walinya sejauh melebihi dua marhalah dan terus mengakadkan nikah memakai wali tahkim. Cik Rosnani lari ke negara Thailand untuk melangsungkan akad nikah itu.

E Setakat ini saya masih belum menemui nas syarii yang membolehkan seseorang perempuan lari daripada wali nasabnya untuk melangsungkan akad nikah memakai wali hakim atau wali tahkim di negara lain yang difikirkannya melebihi dua marhalah dari tempat wali nasabnya berada. Selepas selesai majlis akad nikah itu pengantin perempuan ini terus balik F ke Terengganu. Pada masa akad nikah berkenaan dilangsungkan wali nasab tidakpun mengetahui yang anaknya itu dinikahkan. Dengan alasan-alasan ini, saya berpendapat rukun wali ini telah tidak dipenuhi.

Rukun nikah yang kelima ialah dua orang saksi lelaki. Mengikut keterangan pemohon, di dalam majlis akad nikahnya itu dihadiri oleh lima G orang kesemuanya. Pada perkiraan saya lima orang itu ialah pengantin perempuan, pengantin lelaki, wali dan dua orang saksi lelaki.

Pada hari ini saya dapati kedua-dua orang saksi, yang didakwa oleh pemohon inilah orangnya yang hadir di dalam majlis akad nikah itu, telah memberi keterangan palsu di dalam mahkamah.

H Saya telah memberi peluang kepada kedua-dua orang saksi berkenaan untuk menunjukkan sebab mengapa tiap-tiap seorangnya tidak sepatutnya dihukum terus kerana memberi keterangan palsu.

Di dalam kes ini, saksi pertama pemohon Mohamad Yusuf bin Ngah telah memberitahu mahkamah bahawa lafaz ijab daripada jurunikah kali I pertama dituruti lafaz qabul oleh pemohon terus diiktibar. Saksi kedua pemohon, Gzali bin Abdullah pula memberitahu mahkamah bahawa lafaz ijab daripada jurunikah kali pertama dituruti lafaz qabul oleh pemohon masih belum diiktibar kerana terlalu perlahan, kemudian disusuli lafaz ijab kali kedua dituruti lafaz qabul barulah diiktibar.

Dalam keterangannya, pemohon memberitahu yang dia bertolak dari Kuala Terengganu menaiki kereta saksi pertamanya, Mohamad Yusuf bin Ngah dan mula-mula berhenti di Gong Badak, Kuala Terengganu iaitu rumah kakak angkat pemohon. Dalam keterangan Mohamad Yusuf pula, dari Kuala Terengganu, mereka tidak berhenti di mana-mana tempat pun kecuali di bandar Kota Bharu, kerana minum air. Mereka kesemuanya menaiki van.

Dalam keterangannya, pemohon memberitahu mereka tiba di sempadan Malaysia-Thailand di waktu tengah malam, mereka tidak menyeberangi sempadan hinggalah pagi esoknya. Saksi kedua pemohon, Gzali bin Abdullah menerangkan fakta yang sama, tetapi saksi pertama pemohon, Mohamad Yusuf, memberitahu mahkamah bahawa mereka menyeberangi sempadan pada malam itu jua dan terus menginap di sebuah hotel di Pekan Golok.

Mengenai fakta waktu pulang ke Malaysia setelah selesainya akad nikah dijalankan, saksi pertama pemohon, memberitahu mahkamah bahawa mereka semuanya balik ke Malaysia di sebelah petang manakala saksi kedua pemohon menerangkan mereka semuanya balik ke Malaysia sebelum masuknya waktu zohor.

Daripada fakta-fakta di atas saya berpendapat saksi pertama pemohon, Mohamad Yusuf bin Ngah dan saksi kedua pemohon, Gzali bin Abdullah telah memberi keterangan palsu kepada mahkamah. Selain dari itu, keterangan kedua-dua mereka juga boleh menyebabkan mereka menjadi saksi yang tidak adil yang menyebabkan penyaksian mereka ditolak. Menurut peruntukan hukum syarak sebagaimana dinukilkan di dalam s 83 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997, yang memperuntukkan:

> (1) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah kompeten untuk memberikan *syahadah* atau *bayyinah* sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah *aqil, baligh, adil*, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.
>
> *Huraian* — Seseorang Islam adalah disifatkan '*adil* jika dia menunaikan obligasi agamanya, melaksanakan kewajipan agama yang ditetapkan; menahan diri daripada melakukan dosa besar dan tidak terus menerus melakukan dosa kecil.

Menurut fakta yang disebutkan itu dan peruntukan hukum syarak, saya berpendapat di dalam kes ini syarat-syarat kepada rukun saksi telah tidak dipenuhi.

Mengenai keterangan saksi-saksi yang bercanggah dan merupakan keterangan palsu, saya menarik perhatian pemohon, pasangan pemohon, saksi-saksi pemohon dan para hadirin kepada peruntukan s 95(1)(a)(i) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986. Seksyen berkenaan memperuntukkan:

> Jika mana-mana orang yang memberi keterangan atas apa-apa perkara dalam Mahkamah terbuka dalam mana-mana prosiding, sama ada mal atau jenayah, di hadapan Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah sama ada —

A memberi, pada pendapat Mahkamah, keterangan palsu dalam erti seksyen 191 Kanun Keseksaan tentang sesuatu isu yang material; ... .

Adalah sah bagi Mahkamah memanggil saksi itu untuk menunjukkan sebab, sama ada serta-merta atau pada suatu tarikh kemudian, mengapa dia tidak sepatutnya dihukum terus kerana memberi keterangan palsu dan jika saksi
B itu gagal menunjukkan sebab sedemikian, dengan terus menghukum saksi itu sebagai kerana menghina Mahkamah —

jika Mahkamah itu ialah Mahkamah Tinggi Syar'iah, denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan; ... .

Seksyen 191 Kanun Keseksaan (NMB Bab 45) memperuntukkan:

C Whoever, being legally bound by an oath, or by any express provision of law to state the truth, or being bound by law to make a declaration upon any subject, makes any statement which is false, and which he either knows or believes to be false, or does not believe to be true, is said to give false evidence.

D Di dalam keadaan ini Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibubapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang
E memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutarbelikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

F Saya berpendapat perbuatan Mohamad Yusuf bin Ngah dan Gzali bin Abdullah itu cuba mempermain-mainkan hukum syarak. Perbuatan Mohamad Yusuf bin Ngah dan Gzali bin Abdullah itu juga telah mengejek dan mempersendakan mahkamah.

Seksyen 207 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986
G memperuntukkan:

Barangsiapa membuat hina terhadap kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam dalam Negeri ini atau kuasa Jabatan atau Majlis atau mana-mana jawatankuasa atau ahli pegawainya atau mana-mana pegawai masjid atau kuasa mana-mana Mahkamah atau pegawai yang mengetuai
H Mahkamah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 210 Enakmen yang sama pula memberi erti 'membuat hina' dengan memperuntukkan:

I Bagi maksud-maksud ss 206, 207 dan 209, 'membuat hina' termasuklah mencela, mengejek, mencemuh, mencerca, mengutuk, atau mempersenda.

Mengikut peruntukan hukum syarak dan undang-undang saya berpuas hati bahawa Mohamad Yusuf bin Ngah dan Gzali bin Abdullah telah melakukan satu kesalahan.

Saya berpendapat Mohamad Yusuf bin Ngah dan Gzali bin Abdullah telah membuat hina kepada mahkamah ini. Untuk mencegah perbuatan membuat hina berulang dan bagi menjamin keadilan di mahkamah ini sereta setelah menimbang rayuan yang dibuat saya berpendapat eloklah Mohamad Yusuf bin Ngah dan Gzali bin Abdullah dikenakan hukuman yang setimpal dan layaklah dihukum dengan denda RM200 atau jika gagal membayar denda itu, dihukum penjara selama tiga hari.

Hukuman:

(1) Saya sabitkan akad nikah antara Zulshafari bin Abd Rashed KPT 740707–11–5447 dengan Cik Rosnani bte Mohammad Hanafian KPT 800821–11–5004 yang didakwa telah diadakan pada 19 April 1996 di rumah Haji Abu Bakar Che Lah di Kg Chabang Empat, Tempat 3, Mukim Kawat, Ampor Sungai Padi, Wilayah Narathiwat, Thailand berwalikan tahkim kepada Haji Abu Bakar Che Lah adalah tidak sah menurut hukum syarak.

(2) Saya tidak dapat memberi pengiktirafan undang-undang ke atas akad nikah yang didakwa berlaku itu.

(3) Saya perintah surat keterangan nikah dan taklik, Register 42/2539 dan lain-lain dokumen mengenai dengannya yang didakwa telah dikeluarkan oleh Majlis Hal Ehwal Agama Islam Narathiwat, Thailand Selatan dirampas oleh mahkamah ini.

(4) Saya sabit Mohamad Yusuf bin Ngah KP 6163190 saksi pertama pemohon telah berdusta dalam mahkamah terbuka semasa perbicaraan kes ini mengikut s 95 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, dan saya jatuhkan hukuman ke atas Mohamad Yusuf bin Ngah dengan denda RM200 atau jika gagal membayar denda itu dihukum penjara selama tiga hari.

(5) Saya sabit Gzali bin Abdullah KP 5882187, saksi kedua pemohon berdusta dalam mahkamah terbuka semasa perbicaraan kes ini mengikut s 95 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, dan saya jatuhkan hukuman ke atas Gzali bin Abdullah dengan denda RM200 atau jika gagal membayar denda itu dihukum penjara selama tiga hari.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Mohamed Azam Mohamed Adil